

Malaysia tak akan tunduk

Dr. Mahathir
oversea trips.

Dari Zainuddin Maidin

NEW YORK 1 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini bahawa sekalipun Malaysia merupakan sebuah negara kecil tetapi ia tidak akan tunduk kepada perbuatan memburuk - burukkannya oleh media asing.

Beliau memberitahu lebih 200 orang ahli perniagaan dan usahawan Amerika di dalam satu majlis jamuan makan tengah hari di Hotel Waldorf di sini: "Kami akan menentang perbuatan ini walau apa sekalipun akibatnya."

Kenyataan ini dibuat oleh Datuk Sri Dr. Mahathir ekoran dari penyiaran rencana - rencana yang memburukkan Malaysia yang disiarkan oleh akhbar Wall Street Journal akhbar induk Asian Wall Street Journal, dan New York Times sejak beberapa hari yang lalu.

Para wartawan dan eksekutif dari akhbar Wall Street Journal dan Asian Wall Street Journal sendiri turut hadir di majlis jamuan itu. Demikian juga wakil - wakil dari The Journal Of Commerce dan beberapa agensi berita lain.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata nampaknya akhbar Wall Street Journal telah mengambil kesempatan dari sesuatu upacara penting untuk melancarkan serangannya bagi memberikan kesan buruk kepada ekonomi Malaysia.

Bagaimanapun kali ini "kami telah berjaya mencapai apa yang kami kehendaki. Malaysia telah mendapat siaran besar - besaran di dalam akhbar - akhbar Amerika dan menjadi bahan bacaan di sini sejak beberapa hari yang lalu," katanya.

Beliau kemudian memberitahu majlis itu perihal akhbar tersebut telah membuat tuduhan - tuduhan terhadap Menteri Kewangan Malaysia ketika Persidangan Bank Pembangunan Asia (ADB) di Manila dan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) di Washington.

Perlu disebutkan berikutan dengan penyingkiran dua orang wartawannya dari Kuala Lumpur akhbar Wall Street Journal telah menyiarkan beberapa rencana yang antara lain menyebutkan adanya masalah ketegangan hubungan kaum di Malaysia.

Di dalam rencana pengarangnya pula akhbar itu mendakwa tidak ada kebebasan di dalam penyampaian maklumat di Malaysia dan memberikan gambaran tidak wujud suasana pelaburan yang baik di Malaysia.

Perdana Menteri yang memulakan ucapannya dengan memberikan perhatian kepada rencana-rencana yang disiarkan oleh akhbar itu berkata, orang-orang Amerika akan memahami masalah yang dihadapi oleh Malaysia sekiranya negara ini juga mempunyai bilangan penduduk 38 peratus terdiri dari orang-orang Cina dan 10 peratus terdiri dari orang-orang India.

"Dengan wujudnya keadaan ini akan membolehkan anda memahami masalah untuk menguruskan negara seperti Malay-

TAK AKAN TUNDUK

sia," katanya. 2 OCT 1986

Bagaimanapun, katanya, Malaysia telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi sejak merdeka kerana ia telah menjalankan dasar yang betul yang memberikan sumbangan kepada kestabilannya.

Beliau menambah, lain-lain negara yang juga mempunyai bahan mentah tidak dapat mencapai kejayaan seperti Malaysia kerana tidak ada kestabilan politik.

"Kami telah dapat memelihara hubungan baik antara kaum dan dengan itu kami dapat membina Malaysia dengan penduduk-penduduknya menikmati taraf hidup yang tinggi," tegas beliau.

Bagaimanapun, katanya, sekiranya anda membaca akhbar-akhbar luar negeri anda akan mendapat gambaran seolah-olah Malaysia adalah sebuah negara penuh dengan masalah dan merbahaya untuk dikunjungi.

Sebenarnya sekiranya anda datang sendiri ke Malaysia maka anda akan dapat membuat perbandingan dan akan mendapati bahawa Malaysia adalah sebuah negara bebas dan liberal," tegas Perdana Menteri.

Beliau menyatakan tidak fahamnya kenapakah akhbar tertentu bersikap tidak adil kepada Malaysia.

Adakah kerana sikap saya yang suka berterus-terang," tanya beliau sambil menambah: "Saya tidak lagi boleh mengubah sikap ini. Saya akan terus memberitahu orang apa yang saya fikir tidak betul."

Beliau menyifatkan sebagai "bodoh" anggapan ba-

hawa ekonomi Malaysia menjadi buruk kerana adanya Dasar Ekonomi Baru sedangkan keadaan yang sama juga dialami oleh negara lain.

Beliau bertanya apakah dengan menghapuskan Dasar Ekonomi Baru ekonomi Malaysia akan pulih serta-merta.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata bahawa beliau menyedari hakikat bahawa perbuatan akhbar Wall Street Journal itu akan memberikan kesan yang buruk "kerana ia dibaca hampir di seluruh dunia tetapi mereka yang telah menanam modal di Malaysia adalah tahu bahawa mereka boleh mencari wang dari negara ini.

"Kami adalah sentiasa sangat liberal kepada orang-orang asing," katanya.

Beliau menambah: "Saya tahu bahawa usaha untuk memburukkan Malaysia akan terus dijalankan tetapi kami tidak akan menyerah kalah. Kami akan bangun dan menentang sekalipun ini akan memberikan kesan kepada pembangunan kami."

Di dalam masa soal jawab Perdana Menteri telah menolak kemungkinan Malaysia akan menjadi sebuah negara Islam yang ekstrim dan tidak ada toleransi.

Beliau memberikan bukti terhadap tidak mungkin perkara ini berlaku di Malaysia dengan kekalahan PAS yang teruk di dalam pilihanraya lalu.

Beliau juga menyatakan bahawa "tidak adanya toleransi bukan kerana Islam tetapi kerana sikap perseorangan."